

Manual Pengguna

Online Application System (OAS)

Pemohon & Pengguna OAS

JG 10 : Permohonan Lesen Penggunaan Gas

Kandungan

Pengenalan.....	3
Log Masuk ke dalam OAS	3
Dokumen Sokongan	5
Bahagian A – Maklumat Pemohon	6
Bahagian B – Pengakuan Pemohon	7
Pendaftaran Berjaya Dihantar	7

Pengenalan

Lesen Penggunaan Gas diberi kepada seseorang yang membekalkan talian paip gas kepada orang lain. Selaras dengan kehendak Akta Bekalan Gas 1993:

Seksyen 11 – “tiada seorang pun boleh membekalkan gas melalui apa-apa talian paip melainkan jika orang itu dilesenkan”

Seksyen 30 – “menjadi kesalahan sekiranya pihak tuan mengendali pemasangan tanpa lesen yang sah”










Log Masuk ke dalam OAS



1. Masukkan alamat portal OAS, **http://oas.st.gov.my** ke pelayar (*browser*) anda.
2. Pada kotak Log Masuk, taipkan Alamat Emel dan Kata Laluan yang digunakan semasa pendaftaran.
3. Tekan butang **Log Masuk**.
4. Selepas login pengguna akan mendapat akses menu seperti berikut
 - Dashboard
 - E-Application
 - Maklumat Pengguna (*bagi pengguna Individu*)
 - Maklumat Syarikat (*bagi pengguna Syarikat*)
 - Kata Laluan (*untuk menukar Kata Laluan*)

JG 10 : Permohonan Lesen Penggunaan Gas



-  JG 3 : Permohonan Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gas
-  JG 4 : Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Kontraktor Gas
-  JG 5 : Kimpalan ke atas Sistem: Paip Gas Asli / Paip Gas Petroleum Cecair (GPC) / Stesen Memeter
-  JG 6 : Permohonan Perakuan Kelulusan Mengilang, Memasang atau Mengimport Peralatan Gas
-  JG 7 : Permohonan Perakuan Kelulusan untuk Peralatan Gas
-  JG 8 : Permohonan Kelulusan untuk Memasang Talian Paip / Pemasangan Gas
-  JG 9 : Permohonan Kelulusan untuk Mengendali Talian Paip / Pemasangan Gas
-  JG 10 : Permohonan Lesen Penggunaan Gas
-  JG 11 : Permohonan Lesen Gas Persendirian

1. Klik pada menu **e-Application**.
2. Klik pada pautan **JG 10 : Permohonan Lesen Penggunaan Gas**.
3. Borang permohonan JG10 akan dipaparkan.

Dokumen Sokongan

Dokumen Sokongan
Bahagian A
Bahagian B

DOKUMEN SOKONGAN

Pemohon boleh memuat naik dokumen sokongan seperti senarai di bawah.
Maksimum: Dokumen sokongan yang tidak dimuat naik perlu dihantar ke pejabat Suruhanjaya Tenaga

No.	Keterangan	Muat Naik Dokumen
1.	Latar belakang Syarikat, termasuk: 1.1 Butiran pendaftaran syarikat mengikut Akta Syarikat 1965 1.1.1 Salinan Memorandum & Article of Association 1.1.2 Salinan Borang 9, 49 dan 24 1.2 Penerangan mengenai aktiviti-aktiviti perniagaan syarikat, termasuk pengalaman syarikat dalam bidang gas 1.3 Salinan lesen atau permit berkaitan dengan aktiviti perniagaan gas keluaran Badan Penguatkuasa lain (jika ada)	<input type="button" value="Muat Naik"/>
2.	Mengatakan kedudukan terkini kewangan syarikat dan pemegang saham: 2.1 Butiran modal berbayar syarikat dan pemegang saham 2.2 Butiran pinjaman dan sumber kewangan yang lain 2.3 Kemudahan kredit 2.4 Unjuran kedudukan kewangan syarikat, termasuk anggaran perolehan dan perbelanjaan, bagi tempoh lima tahun akan datang bagi perniagaan pembekalan gas 2.5 Laporan tahunan syarikat yang terkini (jika ada)	<input type="button" value="Muat Naik"/>
3.	Latar belakang tenaga kerja syarikat, termasuk: 3.1 Struktur organisasi syarikat 3.2 Senarai fungsi utama setiap bahagian / unit 3.3 Butiran kelulusan dan pengalaman kerja orang kompeten gas dan kakitangan teknikal yang lain 3.4 Butiran khidmat sokongan bagi kepakaran atau tenaga kerja yang diperolehi daripada pihak luaran (jika ada)	<input type="button" value="Muat Naik"/>
4.	Senarai peralatan dan kemudahan yang dimiliki syarikat, terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti pembekalan gas	<input type="button" value="Muat Naik"/>
5.	Perihal kawasan pembekalan gas yang sedia ada (jika ada) dan yang dirancang, termasuk: 5.1 Nama, alamat, jumlah pengguna dan kuantiti gas bagi kompleks, lot atau projek sedia ada dan / atau yang dirancang untuk dibekalkan dengan gas 5.2 Jumlah kuantiti gas yang hendak dibekalkan 5.3 Tempoh sah lesen penggunaan gas yang diperlukan	<input type="button" value="Muat Naik"/>
6.	Perihal sistem dan tatacara yang diikuti syarikat bagi memastikan bekalan gas yang selamat berlesen, termasuk: 6.1 Cadangan organisasi dan program bagi pengurusan keselamatan 6.2 Standard atau piawaian keselamatan yang diikuti syarikat 6.3 Salinan perjanjian untuk mendapatkan sumber bekalan gas (jika ada)	<input type="button" value="Muat Naik"/>
7.	Butiran mengenai harga gas dan fi yang dicadangkan serta asas yang digunakan syarikat untuk pengiraannya (sertakan contoh pengiraan dalam meter padu)	<input type="button" value="Muat Naik"/>
8.	Maklumat mengenai ciri-ciri gas yang dibekalkan, termasuk: 8.1 Jenis gas 8.2 Komposisi gas yang dibekalkan 8.3 Heating Value gas 8.4 Specific gravity gas 8.5 Tekanan kerja sistem bekalan gas	<input type="button" value="Muat Naik"/>

1. Tab dokumen sokongan akan dipaparkan.
2. Pemohon boleh memuat naik dokumen sokongan seperti yang disenaraikan dengan klik pada butang **Muat Naik**.
3. Saiz maksimum bagi setiap fail yang dimuat naik ialah **500KB**.



4. Dokumen yang dimuat naik boleh dihapuskan dengan klik pada butang **Hapus** jika diperlukan.
5. Dokumen sokongan yang tidak dimuat naik perlu dihantar ke pejabat Suruhanjaya Tenaga.
6. Klik pada pautan **Seterusnya**.

Bahagian A – Maklumat Pemohon

Dokumen Sokongan **Bahagian A** Bahagian B

Bahagian A : MAKLUMAT PEMOHON

1. Pemohon

Nama	Azman Ali
No. MyKad	780919145567
Jawatan	Pengurus Projek
Alamat	No. 3-2 Maju Tower Jalan Angsana Putrajaya Park
Poskod	56000
Bandar	PUTRAJAYA
Negeri	W.P Putrajaya

2. Syarikat / Perniagaan


Nama Syarikat	Power Hackers Solution Sdn. Bhd
No. Pendaftaran Syarikat	90212T
Alamat	No. 3-2 Maju Tower Jalan Angsana Putrajaya Park
Poskod	56000
Bandar	PUTRAJAYA
Negeri	W.P Putrajaya
No. Telefon	0123660000
No. Faksimili	0355055999

« Sebelumnya Seterusnya »

1. Bahagian A hanya akan memaparkan maklumat pemohon berdasarkan maklumat pendaftaran e-registration.
2. Klik pada pautan **Seterusnya** atau **Bahagian B**.

Bahagian B – Pengakuan Pemohon

Dokumen Sokongan Bahagian A **Bahagian B**

 Bahagian B : PENGESAHAN

Saya mengaku bahawa maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar.

1. Pada Bahagian V, sila tandakan pada kotak pengakuan (*Saya mengaku bahawa maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar*)
2. Klik butang **Simpan Draf** untuk menyimpan permohonan secara draf.
3. Klik butang **Hantar** untuk mendaftarkan permohonan – **JG10 : Permohonan Lesen Penggunaan Gas**.

Pendaftaran Berjaya Dihantar



No. Rujukan: OAS-JG10@1996/2012 Status: **Bekam**
 Tarikh Permohonan: 19-05-2012 ID Pemohon: pemohon@yaho.com

 Borang Permohonan

 **SURUHJAYA TENAGA**
 No: 12, Jalan Tun Hussain, Precinct 2,
 62100, Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Malaysia.
 Tel: 03-8870 0549 Faks: 03-8880 0848

No Rujukan: OAS-JG10@1996/2012 JG10
 Tarikh Permohonan: 19-05-2012
 ID Pemohon: pemohon@yaho.com

PERMOHONAN LESEN PENGGUNAAN GAS
 (Sekyen 11, Ara Bekalan Gas 1993 dan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997)

1. Maklumat ringkas berkaitan permohonan akan dipaparkan seperti **No. Rujukan, Tarikh Permohonan, Status Permohonan** dan **ID Pemohon**.
2. Prebiu untuk cetakan borang permohonan akan dipaparkan di bahagian bawah.
3. Sila klik pada ikon **Pencetak** untuk mencetak Borang Permohonan.